

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (LPP)

**(PERINGATAN:** Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang tidak difahami oleh anda, anda disarankan untuk mendapatkan nasihat daripada pihak berkecuali dan/atau berbincang lebih lanjut dengan wakil atau ejen Bank sebelum menandatangani di bawah).

## VERSI BAHASA MALAYSIA

Bank : Affin Islamic Bank Berhad  
 Produk :  
 • AFFIN Tawarruq Home Refinancing-i  
 • AFFIN Tawarruq Business Premises Refinancing-i

### 1. Apakah produk ini?

#### ❖ AFFIN Tawarruq Home Refinancing-i ("Home Refinancing-i")

- Pembayaan semula harta kediaman daripada Institusi Kewangan lain dengan had lebih tambahan untuk digunakan untuk kegunaan peribadi dalam satu permohonan.

#### ❖ AFFIN Tawarruq Business Premises Refinancing-i ("BP Refinancing-i")

- Pembayaan semula harta kediaman daripada Institusi Kewangan lain dengan had lebih tambahan untuk digunakan untuk kegunaan peribadi dalam satu permohonan.

Nota:

Untuk digunakan bersama dalam satu permohonan di bawah produk berikut:

- (i) Affin Home Invest-i.
- (ii) Premis Perniagaan Affin Invest-i.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

#### Pembayaan Semula Hartanah di bawah Musharakah Mutanaqisah (MM) atau Perkongsian Berkurangan

Terpakai untuk:

- (i) Affin Home Invest-i.
- (ii) Premis Perniagaan Affin Invest-i.

- Di bawah konsep Syariah Musharakah Mutanaqisah (MM), pihak Bank dan Pelanggan turut serta dalam pemilikan hak, kepentingan dan faedah sesuatu Hartanah secara perkongsian, yang ditakrifkan sebagai "Hartanah ("Hartanah") di mana Pelanggan hendaklah menyumbang satu amaun sebagai bayaran awal ("Bayaran Awal Pemilikan Pelanggan") untuk pembelian sebahagian daripada Hartanah dan pihak Bank hendaklah menyumbang satu amaun yang merupakan baki bayaran awal ("Bayaran Awal Pemilikan Bank") bagi pembelian Hartanah tersebut.
- Untuk tujuan pembayaan semula, Bank hendaklah membeli saham, hak dan faedah dalam Hartanah daripada Pelanggan di mana Bank akan menyumbang satu amaun sebagai bayaran awal ("Bayaran Awal Pemilikan Bank") ke arah sebahagian pembelian Hartanah tersebut.
- Pihak Bank kemudian menyewakan bahagiannya dalam Hartanah tersebut kepada Pelanggan berdasarkan Ijarah Mawsufah Fi Zimmah (Ijarah hadapan) semasa dalam tempoh pembinaan dan Ijarah selepas tamat tempoh pembinaan.
- Pelanggan akan secara berperingkat mengambilah bahagian, hak pemilikan dan manfaat Bank dengan membayar ansuran bulanan ("Ansuran Bulanan") kepada bank, yang sebahagiannya menyumbang kepada penambahan pemilikan Pelanggan dalam Hartanah tersebut seterusnya pemilikan Bank selaras dengan terma-terma kemudahan ("Bayaran Pemilikan") sehingga Pelanggan memiliki sepenuhnya Hartanah tersebut.
- Hasil daripada pembayaran Bayaran Pemilikan, hak pemilikan dan manfaat Hartanah Pelanggan akan bertambah dan hak pemilikan Bank akan berkurang secara berperingkat.
- Pada akhir tempoh Ijarah dan selepas pembayaran penuh, Pelanggan akan memperolehi semua bahagian dan hak pemilikan Bank terhadap Hartanah tersebut.
- Untuk harta dalam pembinaan, jika harta itu tidak boleh diduduki kerana pembinaan harta tersebut terbengkalai dan tidak boleh dipulihkan semula, bayaran sewa awalan yang dibayar oleh Pelanggan, akan dikembalikan kepada Pelanggan dalam cara yang ditentukan oleh Bank.

#### Kegunaan Peribadi di bawah Konsep Tawarruq

##### • Tawarruq

Konsep Syariah yang terpakai untuk produk di atas ialah Tawarruq.

Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank pada harga jualan lebih tinggi (Harga Jualan Bank) secara bayaran tertunda dan seterusnya menjual Komoditi kepada Pembekal Komoditi secara tunai pada Harga Belian Bank dengan objektif untuk mendapatkan wang tunai.

##### • Wakalah

Di bawah kemudahan ini, Bank akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep Wakalah. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk membeli Komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual Komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan transaksi Tawarruq.

##### • Wa'd

Pelanggan akan melaksanakan Akujanji Pembelian berdasarkan konsep Wa'd. Di bawah Akujanji Pembelian tersebut, Pelanggan berjanji untuk membeli daripada Bank komoditi patuh Syariah tertentu ("Komoditi" terdiri daripada minyak sawit mentah (MSM), getah atau mana-mana komoditi lain) seperti yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi pada Harga Jualan Bank.

### 3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Kelayakan	Individu berumur 18 tahun dan ke atas
-----------	---------------------------------------

<b>Kadar Ijarah/ Keuntungan Siling</b>	<p>Ia merujuk kepada Kadar Ijarah/Keuntungan maksimum yang dicajkan ke atas Pelanggan sepanjang tempoh Kemudahan. Walau pun terdapat kenaikan dalam Kadar Asas Standard (KAS), Kadar Ijarah/Keuntungan akan terhenti di kadar siling maksimum yang dinyatakan semasa perjanjian Kemudahan ditandatangani ("Kadar Ijarah Siling").</p> <p><b>Kadar Ijarah/Keuntungan Maksimum/Siling:</b></p> <p>Home Refinancing-i : 10.00% setahun BP Refinancing-i : 12.00% setahun</p>						
<b>(Margin Pembiayaan) (MOF)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Akan dikira sebagai kombinasi dua kemudahan terhadap nilai pasaran semasa yang ditentukan dalam satu permohonan tunggal.</li> <li>MOF hendaklah tidak lebih daripada MOF maksimum yang dibenarkan di bawah produk sedia ada ini:</li> </ol> <table border="1" data-bbox="450 496 1462 585"> <thead> <tr> <th data-bbox="450 496 1002 529">Kemudahan Utama</th><th data-bbox="1002 496 1462 529">MOF</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="450 529 1002 563">AFFIN Home Invest-i</td><td data-bbox="1002 529 1462 563">90% + 5% (MRTT/kos pemindahan)</td></tr> <tr> <td data-bbox="450 563 1002 585">AFFIN Business Premises Invest-i</td><td data-bbox="1002 563 1462 585">85% + 5% (MRTT/kos pemindahan))</td></tr> </tbody> </table>	Kemudahan Utama	MOF	AFFIN Home Invest-i	90% + 5% (MRTT/kos pemindahan)	AFFIN Business Premises Invest-i	85% + 5% (MRTT/kos pemindahan))
Kemudahan Utama	MOF						
AFFIN Home Invest-i	90% + 5% (MRTT/kos pemindahan)						
AFFIN Business Premises Invest-i	85% + 5% (MRTT/kos pemindahan))						
<b>Tempoh Pembiayaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><u>Pembiayaan Perumahan</u> Hendaklah mengikut produk sedia ada:</li> </ol> <table border="1" data-bbox="450 675 1462 765"> <thead> <tr> <th data-bbox="450 675 874 709">Main Facility</th><th data-bbox="874 675 1462 709">Tenure</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="450 709 874 743">AFFIN Home Invest-i</td><td data-bbox="874 709 1462 743">35 tahun atau sehingga umur 70 tahun, yang mana lebih awal</td></tr> <tr> <td data-bbox="450 743 874 765">AFFIN Business Premises Invest-i</td><td data-bbox="874 743 1462 765"></td></tr> </tbody> </table> <ol style="list-style-type: none"> <li><u>Kegunaan Peribadi</u> Sehingga 10 tahun atau umur 70 tahun, yang mana lebih awal.</li> </ol>	Main Facility	Tenure	AFFIN Home Invest-i	35 tahun atau sehingga umur 70 tahun, yang mana lebih awal	AFFIN Business Premises Invest-i	
Main Facility	Tenure						
AFFIN Home Invest-i	35 tahun atau sehingga umur 70 tahun, yang mana lebih awal						
AFFIN Business Premises Invest-i							
<b>Kadar Ijarah/ Keuntungan Efektif</b>	<p>Kadar Asas Standard + 1.55% setahun.</p> <p><b>Nota:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar Ijarah/Keuntungan akan ditentukan pada masa permohonan.</li> <li>Sila layari <a href="http://AffinAlways.com">AffinAlways.com</a> untuk Kadar Asas Standard (KAS) terkini.</li> <li>Sebarang promosi dan pakej istimewa bagi produk ini akan dimaklumkan kepada Pelanggan oleh pihak Bank melalui pelbagai saluran komunikasi.</li> <li>Ambil perhatian bahawa Kadar Ijarah/Keuntungan akhir akan dimaklumkan kepada anda dalam Surat Tawaran.</li> </ul>						
<b>Kemudahan Pengeluaran Semula untuk kemudahan Musharakah Mutanaqisah</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pada bila-bila masa selepas pembayaran penuh sepanjang tempoh Ijarah, Pelanggan boleh membuat tawaran untuk menjual dan memindahkan mana-mana bahagian daripada bahagian pemilikan Pelanggan dalam Hartanah kepada Bank untuk tujuan pengeluaran semula Kemudahan. Apa-apa jualan atau pemindahan hak milik, hak dan faedah Pelanggan pada Hartanah selama tempoh pemilikan bersama kepada Bank akan terjejas dengan cara yang difikirkan wajar oleh pihak Bank. Pengeluaran semula boleh dibuat di bawah pembayaran dahulu (prepayment) dan/atau bayaran pendahuluan (advance).</li> <li><u>Pengeluaran Semula di bawah Pembayaran Dahulu</u> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sekiranya anda telah membuat Pembayaran Dahulu sebahagian ekuiti (pengurangan prinsipal) selain daripada Bayaran Bulanan, anda boleh meminta untuk pengeluaran semula, di mana ia mungkin tertakluk pada kelulusan dan Terma dan Syarat Bank.</li> <li>Pengeluaran semula tersebut adalah tertakluk pada pemeriksaan kredit lebih lanjut oleh pihak Bank.</li> <li>Permohonan bagi pengeluaran semula mestilah dibuat di mana-mana cawangan dengan melengkapkan Borang Permohonan Pengeluaran Semula.</li> </ol> </li> <li><u>Pengeluaran Semula di bawah Bayaran Pendahuluan</u> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sekiranya anda telah membuat bayaran Kemudahan dalam jumlah yang melebihi jumlah Bayaran Bulanan anda, anda boleh meminta untuk mengeluarkan lebihan jumlah di mana-mana cawangan, tertakluk pada kelulusan serta Terma dan Syarat Bank.</li> <li>Untuk memenuhi syarat bagi permohonan pengeluaran semula Bayaran Pendahuluan, jumlah pendahuluan minimum dalam akaun Kemudahan anda mestilah berjumlah RM5,000 dengan baki minimum yang tersedia untuk tarikh akhir bayaran berikutnya selepas pengeluaran semula.</li> </ol> </li> <li>Pengeluaran semula di bawah pembayaran dahulu dan bayaran pendahuluan hanya tersedia selepas pembayaran penuh Kemudahan.</li> <li>Jumlah pengeluaran semula yang diluluskan akan dikreditkan ke dalam akaun Semasa atau Simpanan anda yang dikekalkan dengan Bank atau mana-mana akaun di bawah nama anda yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain.</li> <li>Dalam hal Pelanggan bersama, setiap permohonan bagi pengeluaran semula hendaklah dikemukakan oleh Pelanggan bersama dan sekiranya berjaya, jumlah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Semasa atau Simpanan Pelanggan bersama.</li> </ol>						

	<p>7. Jumlah minimum pengeluaran semula adalah RM3,000 dan selepas itu hendaklah dalam gandaan RM1,000.</p> <p>8. Fi pemprosesan sebanyak RM25.00 akan dikenakan bagi setiap permohonan pengeluaran semula yang berjaya. Fi tersebut akan ditolak daripada akaun Semasa atau Simpanan anda di mana jumlah pengeluaran semula telah dikreditkan.</p> <p>9. Sebarang wang yang telah dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dianggap sebagai pembayaran dahulu dan tidak boleh digunakan untuk pengeluaran semula.</p>
<b>Kemudahan Pengeluaran Semula untuk kemudahan Tawarruq</b>	Tidak berkenaan.

**Nota:**

Amaun yang diluluskan, tempoh dan kadar Kemudahan anda adalah tertakluk pada penilaian kredit dan kriteria kelulusan yang ditetapkan oleh pihak Bank.

**4. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?**

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalam (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

**5. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?**

KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalam (KDS).

**6. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu dalam tempoh 3 tahun yang lepas:**

Sila rujuk [AffinAlways.com](#) untuk data sejarah terkini.

Pergi ke PERIBADI > Pinjaman dan Pembiayaan > Kegunaan Peribadi (Gadai Janji) > AFFIN Tawarruq Home Refinancing-i/ AFFIN Tawarruq Business Premises Refinancing-i > Maklumat Penting > Panduan Pengguna mengenai Kadar Rujukan

**7. Apakah kewajipan saya?**

- Anda dikehendaki untuk membayar sewa pendahuluan/amaun keuntungan yang setimpal dengan jumlah yang telah dibayar sepanjang tempoh pembinaan (jika berkenaan) dan membayar ansuran penuh setelah pengeluaran penuh.
- Sekiranya pemotongan gaji yang dibuat oleh majikan/pemindahan dana automatik daripada akaun gaji yang dikekalkan dengan pihak Bank masih belum bermula, anda bertanggungjawab untuk membayar ansuran tepat pada masanya dan seharusnya dibayar seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.
- **Penting:** ansuran bulanan dan jumlah keseluruhan bayaran anda akan berbeza-beza tertakluk pada perubahan Kadar Asas Standard (KAS).

**Contoh:**

Jumlah yang dibiayai	:	RM 350,000.00
Margin Pembiayaan	:	70%
Tempoh Pembiayaan	:	10 tahun
Kadar keuntungan	:	KAS + 1.55% setahun

**Kewajipan:**

Ansuran bulanan: **RM3,636.00**

Ansuran bulanan dan jumlah bayaran anda akan berbeza-beza jika KAS berubah.

	KAS hari ini 3.00% setahun	Jika KAS meningkat sebanyak 1%	Jika KAS meningkat sebanyak 2%
Ansuran bulanan untuk 10 tahun (RM)	3,636.00	3,807.00	3,983.00
Jumlah keuntungan pada akhir tempoh 10 tahun (RM)	86,295.00	106,852.00	127,971.00
Jumlah bayaran pada Akhir tempoh 10 tahun (RM)	436,295.00	456,852.00	477,971.00

**PENTING:**

- Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Sila rujuk laman web kami di [AffinAlways.com](#) untuk KAS terkini.
- Berdasarkan ilustrasi di atas, amaun ansuran bulanan akan dinaikkan/diturunkan selaras dengan kenaikan/penurunan KAS dan perubahan tersebut akan ditunjukkan pada tarikh semakan berikutnya. Anda boleh mengemukakan permintaan bertulis kepada pihak Bank dan pihak Bank akan mempertimbangkan untuk mengekalkan pembayaran bulanan yang sama walaupun terdapat kenaikan pada KAS, dengan syarat amaun tersebut cukup untuk membayar amaun sewa/keuntungan. Jumlah perbezaan dalam sewa/ansuran bulanan akan dikumpulkan sehingga akhir tempoh Kemudahan.
- Pada tempoh matang Kemudahan, anda harus membayar baki belum jelas sepenuhnya atau pihak Bank dengan pertimbangannya, memberikan lanjutan tempoh Kemudahan untuk memudahkan penyelesaian melalui amaun pembayaran sewa/ansuran bulanan yang dipersetujui.

## 8. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis Yuran/Caj	Butiran Yuran/Caj
Duti Setem	Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Pindaan 1989)
Yuran Pengeluaran Pembiayaan	Termasuk yuran untuk pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebankrapan.
Yuran guaman berkaitan dokumen pembiayaan	Pelanggan hendaklah membayar semua yuran guaman dan sebarang perbelanjaan sampingan yang berkaitan dengan kemudahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berkaitan dengan penyediaan, setem dan pendaftaran sebarang dokumen sekuriti dan penyerahan dan pengeluaran caveat). Sekuriti dokumentasi pembiayaan akan diuruskan oleh panel peguam Bank. Sekiranya Pelanggan melantik peguam cara yang bukan panel Bank, garis panduan permohonan sebagai peguam cara bukan panel Bank yang disediakan oleh pihak Bank haruslah dipatuhi dan kelulusan sepenuhnya adalah mengikut budi bicara pihak Bank. Walau bagaimanapun, untuk mengelak sebarang kelewatan dalam dokumentasi atau proses, pelantikan peguam cara daripada panel Bank adalah sangat digalakkan.
Yuran Penilaian Hartanah	Untuk Hartanah yang telah siap sahaja (hanya terpakai kepada yuran penilaian awal sebelum pengeluaran Kemudahan pertama)
Yuran Pemprosesan	Tiada caj
Penyata Penebusan (setiap akaun dan setiap permintaan)	RM50.00
Yuran Pengeluaran Semula/Caj Lebihan Bayaran (setiap transaksi)	RM25.00
Yuran mendapatkan Sekuriti Dokumen (setiap permintaan – untuk set lengkap dokumen)	RM30.00
Yuran Penstrukturran/ Penjadualan Semula	Tiada caj
Penyata pembiayaan tambahan (setiap permintaan)	RM10.00
Surat Pengesahan bagi pengeluaran KWSP	RM20.00
Yuran Broker	Yuran Broker adalah yuran yang akan dikenakan untuk setiap transaksi Tawarruq dilakukan oleh pihak Bank. Pengenaan yuran Broker adalah seperti berikut:  KKS dan Individu – yuran adalah sebanyak RM5.00 bagi setiap RM1.0 juta (asas pro-rata).

**Nota:**

- Yuran Broker adalah tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang disebut oleh pembekal komoditi.
- Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang terpakai kepada Kemudahan pembiayaan anda.
- Seperti semua terma dan syarat lain yang terkandung di dalam Surat Tawaran.

## 9. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Apabila Jumlah Hari Tertunggak Kemudahan adalah sembilan puluh satu (91) hari, Bank akan menyemak semula Kadar Ijarah/Keuntungan Efektif (mana-mana yang berkenaan) di dalam Surat Tawaran ini kepada Kadar Ijarah/Keuntungan Efektif + 0.64% setahun dikira ke atas jumlah pokok tertunggak, atau kadar lain atau asas pengiraan kadar berdasarkan keperluan kawal selia Kadar pembiayaan akan kembalikan kepada kadar kontrak, apabila Jumlah Hari Tertunggak berkurang kepada sembilan puluh (90) hari dan ke bawah.  
  
Pihak Bank akan memberi notis bertulis tidak kurang dari tujuh (7) hari sebelum tarikh efektif ansuran bulanan yang disemak.
- Kadar Ijarah/Keuntungan Efektif yang telah disemak di atas adalah tertakluk pada Kadar Keuntungan Siling.
- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan pembiayaan anda, hubungi kami awal untuk membincangkan pembayaran alternatif. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan akibat berikut:
  - i. Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami untuk menyelesaikan baki belum jelas dalam akaun Kemudahan ini di mana kami akan memberitahu anda terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
  - ii. Kami akan melaksanakan hak kami untuk menggunakan akaun janji belian anda untuk membeli syer kami dalam Hartanah ini.
  - iii. Kami boleh meneruskan tindakan undang-undang jika anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis-notis peringatan. Hartanah anda mungkin akan dirampas. Anda perlu menanggung semua kos yang berkaitan dengan perampasan tersebut. Sekiranya terdapat kurangan (*shortfall*) di antara harga jualan hartaan dan amaun tertunggak selepas hartaan anda dijual, anda bertanggungjawab untuk menyelesaikan baki (jika ada).
  - iv. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang akan menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

### Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*)

- Sebelum tarikh matang Kemudahan tersebut  
Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran/sewa tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh:

$$= \text{Ansuran/Sewa Tertunggak} \times 1\% \times \text{bilangan hari tertunggak}$$

- Semasa dan selepas tarikh matang Kemudahan tersebut

Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalam Kadar Pasaran Wang antara bank Secara Islam (IIMM) pada baki belum jelas ditolak *ibra* (jika ada):

$$= \text{Baki belum jelas} \times \text{kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Ia akan bermula daripada tarikh pembayaran pertama kali dimungkiri sehingga tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- Caj ganti rugi pada kadar yang disebutkan di atas akan dibayar oleh anda selepas dan juga sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- Walau apa pun jumlah caj ganti rugi yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amanah caj ganti rugi tersebut tidak akan dikompaun lagi.
- Sila rujuk kewajipan lain seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran.

#### 10. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Pihak Bank tidak mengenakan tempoh tertutup (*lock-in*) untuk Kemudahan ini dan tiada yuran yang dikenakan bagi penyelesaian awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (*ibra*) yang bersamaan dengan Keuntungan Tertunda semasa waktu penyelesaian:

**Formula Rebат (*Ibra*):**

$$\text{Rebat } (\text{i}bra) = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{Kos Anggaran Yang Munasabah Yang Ditanggung Oleh Bank}$$

**Nota:**

- Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan Dipersetujui – Keuntungan Terakru
- Jumlah Keuntungan Dipersetujui = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif atas prinsipal tertunggak yang digunakan

#### 11. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan takaful?

- **Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTT)** adalah opsyenal tetapi amat digalakkan.
  - ❖ Sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal, pihak Takaful akan membayar semua amanah baki belum jelas kemudahan pembiayaan anda dengan pihak Bank. Ini akan meringankan beban pembayaran bagi waris atau keluarga terdekat anda.
- **Takaful Kebakaran Wajib**
  - ❖ Bank boleh memberikan sebut harga kepada anda untuk sebarang takaful kebakaran wajib yang ditawarkan oleh panel pengendali takaful Bank sendiri. Walau bagaimanapun, anda bebas untuk menggunakan perkhidmatan pengendali takaful lain.

#### 12. Apakah risiko utama?

Kadar Ijarah/Keuntungan Efektif bagi pembiayaan ini adalah terapung dan disandarkan kepada Kadar Asas Standard (KAS). Kadar Ijarah/Keuntungan Efektif mungkin akan berubah bergantung kepada kadar rujukan. Kenaikan dalam Kadar Ijarah/Keuntungan Efektif mungkin mengakibatkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi/lanjutan tempoh Kemudahan.

**Nota:**

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan Kemudahan anda, sila hubungi dan berbincang dengan pihak kami.

#### 13. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai tepat pada masanya kepada anda.
- Selaras dengan dasar/garis panduan AFFIN Islamic Bank dan dokumen sekuriti standard, sebarang perubahan pada butiran peribadi perlulah secara bertulis dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pelanggan dan dialamatkan kepada Affin Islamic Bank Berhad.

#### 14. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran di:

Alamat: <b>AFFIN BANK BERHAD</b> <b>Jabatan Pengurusan Kualiti Aset</b> 401 & 501, Blok C, Kelana Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	No Hubungan Waktu Operasi: 8:45 pg. – 5:45 ptg. (Isrin– Khamis) 8:45 pg. – 4:45 ptg. (Jumaat)	03-8230 2828
---	--	--------------

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi "e-Borang untuk membuat maklumbalas/aduan pelanggan" yang boleh didapati di laman web di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) yang akan diantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi kami di:

Alamat: <b>Pengurusan Maklum Balas Pelanggan &amp; Resolusi</b> Tingkat 9, Menara Affin, Lingkaran TRX, Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.	No Hubungan Waktu Operasi: 8:00 pg. – 12:00 mlm. (Isrin – Ahad)	03-8230 2222
E-mel		<a href="mailto:yourvoice@affingroup.com">yourvoice@affingroup.com</a>
Laman Web		<a href="https://www.affingroup.com">https://www.affingroup.com</a> <a href="https://www.affinalways.com">https://www.affinalways.com</a>

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

<u>Alamat:</u> <b>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)</b> Tingkat 5 and 6, Menara Aras Raya (dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce), Jalan Raja Laut,City Centre 50350 Kuala Lumpur.	<u>AKPK Infoline</u>	03-2616 7766
	<u>No. Faks</u>	03-2616 7601
	<u>Waktu Operasi</u>	9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNMLINK di:

<u>Alamat:</u> <b>BNMLINK</b> Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922) 50929 Kuala Lumpur	<u>No. Telefon</u> Waktu Operasi: 9:00 pg. – 5:00 ptg. (Isnin – Jumaat)	1-300-88-5465
	<u>No. Faks</u>	03-2174 1515

#### 15. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan pembiayaan, sila kunjungi cawangan Bank yang berhampiran atau hubungi Pusat Panggilan kami di talian 03-8230 2222 atau layari laman web kami di [AffinAlways.com](http://AffinAlways.com) untuk maklumat lebih lanjut.

#### 16. Pakej pembiayaan lain yang disediakan

- AFFIN Home Build-i
- AFFIN Home Invest-i
- AFFIN Business Premises Invest-i
- AFFIN Tawarruq Home Financing-i
- AFFIN Tawarruq BP Financing-i
- AFFIN Tawarruq Term Financing-i
- AFFIN Advance-i
- AFFIN Home Credit Plus-i
- AFFIN Home Extra Plus-i
- AFFIN Tawarruq Cash Line-i

#### NOTA PENTING:

**HARTANAH ANDA MUNGKIN AKAN DIRAMPAS SEKIRANYA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN UNTUK PEMBIAYAAN ANDA DAN ANDA PERLU MENANGGUNG SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN YANG DITANGGUNG OLEH PIHAK BANK YANG BERKAITAN DENGAN TINDAKAN PERAMPASAN PIHAK BANK.**

- Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh staf, wakil atau ejen Bank.

**NAMA** :

**TANDATANGAN** :

**TARIKH** :

\_\_\_\_\_

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah daripada **27 NOVEMBER 2024**